

SOALAN NO. 65**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN :** LISAN**DARIPADA :** YANG BERHORMAT DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**TARIKH :** 31 JULAI 2017**SOALAN :**

YB Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam Bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perincian perkembangan proses menuntut semula kedaulatan ke atas Pulau Batu Putih menerusi penemuan tiga dokumen terkini daripada National Archives Of United Kingdom dan apakah bukti-bukti baru yang diperoleh serta sejauh manakah keyakinan bahawa kebenaran akan berpihak kepada Malaysia.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia telah memfailkan permohonan semakan terhadap keputusan kes Pulau Batu Putih di hadapan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 2 Februari 2017. Buat masa ini, pihak Singapura telah mengemukakan pemerhatian bertulis (*written observation*) bertarikh 24 Mei 2017 kepada permohonan semakan yang dikemukakan oleh Malaysia kepada ICJ. ICJ telah menetapkan pertemuan antara ejen kedua-dua negara pada 11 September 2017 bagi menentukan prosedur seterusnya.

Terdapat tiga keterangan baharu yang ditemui antara 4 Ogos 2016 hingga 30 Januari 2017 iaitu surat-menjurat dalaman pihak berkuasa tanah jajahan Singapura dalam tahun 1958, laporan mengenai suatu kejadian yang difaiklan oleh seorang pegawai tentera laut Britain dalam tahun 1958 dan peta berserta catatan mengenai operasi tentera laut dari tahun 1960-an. Untuk makluman Yang Berhormat, ketiga-tiga keterangan yang ditemui tersebut telah dirujuk kepada Peguam Diraja (*Queen's Counsels*) yang berpandangan bahawa Malaysia mempunyai asas yang kukuh untuk meneruskan tindakan memfailkan permohonan semakan keputusan ICJ 2008 bagi mendapatkan kembali kedaulatan ke atas Pulau Batu Putih.

Tindakan Peguam Negara memfailkan permohonan semakan ini berdasarkan keyakinan bahawa penemuan fakta baharu akan mendapat pertimbangan seadilnya daripada ICJ memandangkan fakta baharu yang ditemui tersebut tidak diketahui oleh ICJ ketika penghakiman dibuat.

Sekian, terima kasih.